

PERUTUSAN YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR SEMPENA HARI OZON ANTARABANGSA PADA 16 SEPTEMBER 2013



DATUK SERI G. PALANIVEL
**Menteri Sumber Asli Dan
Alam Sekitar**

Fenomena penipisan lapisan ozon yang melindungi kehidupan di muka bumi dari sinaran ultra ungu (UV) matahari yang berbahaya adalah cabaran yang paling besar kepada manusia sejak suku abad yang lalu. Pendedahan yang berlebihan kepada sinaran UV boleh menyebabkan barah kulit, sakit mata, melemahkan sistem ketahanan badan daripada penyakit dan turut memberi kesan buruk kepada rantaian makanan. Penggunaan bahan pemusnah ozon (BPO) telah memberikan impak yang sangat besar kepada penipisan lapisan ozon. Dengan penghapusan secara global sebanyak 98% dalam penggunaan bagi sektor perindustrian dan produk pertanian, lapisan ozon sekarang dijangka akan kembali pulih dalam lima dekad yang akan datang.

Berdasarkan perkembangan terkini di bawah Protokol Montreal, negara-negara membangun dikehendaki menghapuskan penggunaan BPO hidroklorofluorokarbon (HCFC) menjelang tahun 2030 melalui Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC (HPMP). Selepas kejayaan dalam penghapusan (BPO) seperti klorofluorokarbon (CFC), halon dan karbon tetraklorida (CTC) sejak Januari 2010, Malaysia telah mewujudkan HPMPnya sendiri pada tahun 2011 dan kini sedang melaksanakan HPMP tersebut bagi mematuhi obligasi di bawah Protokol Montreal.

HCFC adalah satu kumpulan kimia yang diperkenalkan sebagai bahan alternatif kepada CFC. Penggunaannya adalah dalam industri penyaman udara, industri penyejukan, industri busa, industri pelarut, aerosol dan bahan pemadam kebakaran. Walaupun HCFC kurang membina lapisan ozon berbanding CFC tetapi kebanyakan HCFC mempunyai potensi pemanasan global yang tinggi iaitu 2,000 kali ganda daripada karbon dioksida. Oleh itu, penghapusan HCFC bukan sahaja dapat melindungi lapisan ozon tetapi juga boleh mengurangkan kesan pemanasan global.

Penglibatan pihak industri dan orang awam memainkan peranan penting dalam memastikan objektif Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC (HPMP) ini tercapai. Pihak industri digesa agar berusaha untuk mendapatkan bahan alternatif kepada HCFC dan menukar kepada bahan yang mesra ozon di samping mempunyai potensi pemanasan global yang rendah. Pihak industri juga diseru agar bekerjasama dengan pihak kerajaan di dalam mematuhi HPMP. Orang awam pula boleh berperanan dalam memilih peralatan dan bahan-bahan yang lebih mesra alam untuk mengurangkan impak kepada penipisan lapisan ozon dan pemanasan global.

Kita meraikan Hari Ozon Antarabangsa pada 16 September setiap tahun. Tema sambutan pada tahun ini ialah '**'Atmosfera sihat, masa depan yang kita mahu'**'. Ia mencerminkan usaha yang telah dibuat oleh semua ahli kepada Protokol Montreal untuk menghasilkan persekitaran yang sihat demi kepentingan generasi akan datang. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk melindungi lapisan ozon supaya kita dapat menjalani kehidupan yang sihat di atas bumi ini.



HOTLINE : 1-800-88-2727
NO. TELEFON : 03-8871 2000/2200
LAMAN SESAWANG : www.doe.gov.my

"ATMOSFERA SIHAT, MASA DEPAN YANG KITA MAHU"
("HEALTHY ATMOSPHERE, THE FUTURE WE WANT")